

Telegrams: "MINLOG KOTA KINABALU"
Fax No.: 088-234076, 236177
Tel. No.: 088-256744
Your Ref.:
Our Ref.: KKT&P: 100-4/16/(34)



KEMENTERIAN KERAJAAN
TEMPATAN DAN PERUMAHAN
(MINISTRY OF LOCAL GOVERNMENT
AND HOUSING)
Blok C, Tingkat 2-6, Wisma Tun Fuad Stephens
88999 Kota Kinabalu

27 Oktober 2005

Presiden
Majlis Perbandaran **Tawau**

Presiden
Majlis Perbandaran **Sandakan**

Pegawai Kerja
Lembaga Bandaran **Kudat**

Pegawai Kerja,
Majlis-Majlis Daerah,
**Majlis Daerah Beaufort, Kuala Penyu, Papar, Tenom, Penampang, Tuaran,
Tambunan, Sipitang, Semporna, Keningau, Beluran, Kinabatangan, Kota Belud,
Kota Marudu, Kunak, Lahad Datu, Nabawan dan Ranau**

**SURAT PEKELILING (AKAUN) BIL. 5/2005 - TARIKH TERAKHIR
PENERIMAAN TUNTUTAN BAYARAN TAHUN 2005 YANG DIPROSES OLEH
JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH**

1. **TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar tarikh akhir penerimaan tuntutan bayaran oleh Kementerian ini untuk menyedia baucar bayaran yang akan diproses oleh Jabatan Bendahari Negeri Sabah.

2. **LATAR BELAKANG**

Selaras dengan Surat Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Bil. 11 Tahun 2005 (Penutupan Akaun Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2005), Akaun Kerajaan Negeri Sabah tahun 2005 akan ditutup pada 28 Februari 2006 untuk memenuhi kehendak Akauntan Negara Malaysia seperti yang terkandung dalam surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. I Tahun 2005. Oleh yang demikian untuk memenuhi kehendak ini, Jabatan Bendahari Negeri Sabah telah menetapkan semua baucar bayaran hendaklah disampaikan dipejabatnya sebelum atau pada 10 Januari 2006.

...2/-

PERKHIDMATAN BERKUALITI TERAS PEMBANGUNAN CEMERLANG

3. KAEDAH PELAKSANAAN

3.1 Untuk mencapai matlamat yang tersebut dalam Perenggan 2 surat pekeliling ini dan untuk memastikan masa yang mencukupi untuk pemprosesan tuntutan bayaran di peringkat Kementerian ini, tarikh akhir adalah ditetapkan untuk Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar serta semua PBT mengemukakan tuntutan bayaran seperti berikut:

PERBELANJAAN BAGI TEMPOH BAYARAN	TARIKH AKHIR PENGHANTARAN TUNTUTAN KE KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
<i>Perbelanjaan sehingga 30 November 2005</i> ^b	<i>Sebelum 05 Disember 2005</i> ^b
<i>Perbelanjaan untuk bulan Disember 2005</i> ^b	<i>Sebelum 15 Disember 2005</i> ^{20 b}

3.2 Tuntutan bayaran yang diserahkan selepas tarikh tutup tidak akan dilayan.

4. PENUTUP

4.1 Kerjasama semua pihak berkaitan dengan mematuhi surat pekeliling ini amatlah dihargai.

4.2 Jika terdapat sebarang kemusykilan tentang surat pekeliling ini, sila berhubung Akauntan Kanan Cik Phak Shiu Len melalui No. Telefon 088-256744.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH CEKAP DAN AMANAH



[DATUK UJANG SULANI]
Setiausaha Tetap

s.k. AO 1
" Sr. IR
" PPK